



## Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,  
Engkau memanggil kami untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu, ditarik ke dalam kehidupan persekutuan Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026. Ajarlah kami untuk mendengar dengan mendalam, untuk menilai dengan setia, dan untuk mempercayai ke mana Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu empat aspek yang sedang kami pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami, agar mereka menjadi tempat cinta, iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami, agar kami dapat berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan saksi yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi dengan rasa hormat, tanggungjawab, dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam komuniti, agar kami dapat mencari keadilan, mempromosikan keamanan, dan berdiri dalam solidariti dengan yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir daripada pertimbangan kami, semoga ia memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja, yang merenungkan Firman-Mu dan berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam Kristus, penuh perhatian terhadap satu sama lain, dan terbuka kepada karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu kami hidup dengan lebih setia sebagai satu Gereja Katolik Malaysia, melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.  
Amin

(terjemahan-HERALD)



# Raja damai menolak perang!

**TAKHTA SUCI: Sempena permulaan Minggu Suci, Sri Paus Leo XIV menggunakan Misa Hari Minggu Palma pertamanya untuk membuat seruan tegas demi keamanan, sambil menggesa menamatkan peperangan ketika beliau menyampaikan renungan Sengsara Kristus.**

Dalam homilinya yang membuka Minggu Suci di Dataran Sto Petrus, Sri Paus berkata umat beriman harus mengikuti Yesus, yang merangkul kemanusiaan "walaupun orang lain mengangkat pedang dan kayu."

"Kita memandang kepada Yesus, yang menyatakan diri sebagai Raja Damai, walaupun peperangan mengelilinginya," katanya pada Mac 29. "Dia tetap teguh dalam kelembutan, sementara yang lain membangkitkan keganasan."

Sri Paus Leo meneruskan ucapannya dengan mengimbas kembali kata-kata terakhir Yesus kepada Bapa, sambil mengatakan bahawa pada saat itu kita dapat melihat "kemanusiaan yang disalibkan."

"Di atas segalanya, kita mendengar rintihan yang menyayat hati daripada semua mereka yang ditindas oleh keganasan dan menjadi mangsa peperangan," katanya. "Kristus, Raja Damai, sekali lagi berseru dari salib-Nya: Tuhan adalah kasih! Kasihanilah! Letakkan

senjata kamu! Ingatlah bahawa kamu adalah saudara dan saudari!"

Pada penghujung Misa, beliau sekali lagi menekankan kepentingan keamanan, khususnya di Timur Tengah. Beliau menyeru agar didoakan bagi umat Kristian di Timur Tengah, yang "penderitaan mereka mencabar hati nurani kita semua," ketika konflik antara Amerika Syarikat, Israel dan Iran memasuki minggu kelima.

"Seperti Gereja merenungkan penderitaan Tuhan, kita tidak boleh lupa mereka yang hari ini benar-benar turut mengalami penderitaan-Nya," katanya.

"Marilah kita berdoa kepada Raja Damai agar Dia menguatkan mereka yang terluka akibat perang dan membuka jalan yang nyata menuju perdamaian."

Pada hari yang cerah dan berangin, ribuan orang menghadiri Misa itu. Ia dimulakan dengan perarakan penuh khidmat oleh ratusan umat yang membawa daun palma hijau, diikuti sekitar 60 orang kardinal dan uskup yang membawa "palmurelli," iaitu daun palma pucat yang dianyam dengan indah.

"Yesus ialah Raja Damai yang menolak perang, dan tidak boleh digunakan oleh sesiapa pun untuk membenarkan peperangan," kata Paus. "Dia tidak mendengar doa mereka yang berperang, malah menolaknya."

Pada penghujung Misa, Paus sekali lagi menyeru doa untuk keamanan, khususnya di

Timur Tengah, sambil mengingatkan bahawa penderitaan umat Kristian dan mangsa konflik mencabar hati nurani dunia. Beliau menegaskan bahawa Gereja tidak boleh memisahkan renungan Sengsara Kristus daripada realiti penderitaan manusia hari ini.

Bapa Suci turut menyatakan kesedihan terhadap banyak luka dalam keluarga manusia hari ini, ketika manusia berseru kepada Tuhan dengan "rintihan penuh kesakitan daripada mereka yang ditindas oleh keganasan dan menjadi mangsa perang."

"Kristus, Raja Damai, sekali lagi berseru dari salib-Nya: Tuhan itu kasih! Kasihanilah! Letakkan senjata kamu! Ingatlah bahawa kita semua bersaudara!" kata Sri Paus.

Sri Paus Leo juga menekankan kata-kata Hamba Tuhan Uskup Tonino Bello, yang pernah memberi renungan Perawan Maria Terberkati, yang berdiri di kaki salib puteranya.

"Santa Maria, anugerahkanlah kepada kami kepastian bahawa, walau apa pun, maut tidak lagi berkuasa atas kami; bahawa ketidakadilan terhadap bangsa-bangsa ada batasnya; bahawa kilatan perang semakin pudar di ufuk senja; bahawa penderitaan orang miskin hampir berakhir," katanya. "Dan anugerahkanlah akhirnya, agar air mata semua mangsa keganasan dan kesakitan segera dikeringkan seperti embun beku di bawah matahari musim bunga." **Media Vatikan**

# Tabir bait suci terkoyak, lambang kasih Tuhan yang menular di dunia

Dalam naratif penderitaan Kristus terdapat banyak baris yang menggugah perasaan. Sukar membayangkan sesiapa yang tidak ter-usik apabila kisah sengsara itu dibacakan di gereja — terutamanya bahagian ketika Yesus menarik nafas terakhir-Nya dan keheningan yang menyusul membuatkan seluruh jemaah berlutut. Tiada khutbah yang sekuat baris itu (“dan Dia menyerahkan roh-Nya”) serta keheningan yang menyelubunginya.

Satu lagi ayat yang sering terngiang dalam hati saya ialah ayat yang menyusul selepas itu. Diceritakan bahawa pada saat Yesus wafat, tabir di dalam bait suci terbelah dua; dari atas hingga ke bawah.

Dalam imaginasi saya — khususnya sewaktu kecil dahulu — adegan itu sentiasa tampak suram: kegelapan menyelubungi siang hari, dan tepat ketika Yesus menghembuskan nafas terakhir-Nya, seolah-olah disambar kilat yang menggoncang langit, tabir bait suci pun terbelah dua.

Semua yang menyaksikan terpinga-pinga, hati mereka tersentak oleh kesedaran yang datang terlambat — bahawa Dia yang mereka hina dan salibkan itulah sebenar-benarnya Kristus.

Apakah makna yang tersembunyi di sebalik kata-kata bahawa tabir bait suci itu terbelah dua ketika Yesus menghembuskan nafas terakhir-Nya?

Para penafsir Kitab Suci memberitahu kita bahawa tabir itu ialah suatu tirai suci yang menutupi pandangan umat daripada melihat Yang Kudus — tempat di mana para imam mempersembahkan korban dan doa di hadapan Tuhan. Tabir itu berdiri sebagai dinding halus antara manusia dan misteri Ilahi; namun pada saat kematian Kristus, dinding itu dirobek, dan misteri pun tersingkap bagi semua.

Apabila Injil menyatakan bahawa pada detik kematian Yesus, tabir bait suci terbelah



dua dari atas ke bawah, sebenarnya tidak bermaksud — seperti yang sering saya bayangkan — bahawa Tuhan merobek sesuatu yang paling berharga kepada mereka yang menyalibkan Anak-Nya, sebagai hukuman atau bukti kesalahan mereka.

Sebaliknya, tabir itu adalah simbol dinding yang melindungi manusia daripada menatap misteri Tuhan. Di kayu salib, dinding itu diruntuhkan — supaya kini mata seluruh umat manusia dapat memandang terus ke dalam Maha Kudus yang sejati iaitu ke dalam hati Tuhan sendiri.

Sekarang kita benar-benar melihat siapa Tuhan itu — Dia yang mengasihi kita tanpa syarat, sehingga walaupun kita menyalibkan-Nya, kasih-Nya tidak luntur walau sekelip mata. Dia menumpahkan darah-Nya sendiri untuk menjangkau kita, bukan menuntut agar kita menumpahkan darah demi sampai kepada-Nya. Namun apakah makna semua ini?

Sejak zaman awal Gereja, persoalan ini bergema dalam hati manusia: mengapa Yesus perlu mati dengan sedemikian mengerikan? Mengapa darah harus mengalir begitu banyak? Apakah ini suatu permainan rahsia antara langit dan bumi — darah Anak Domba yang menebus dosa Adam dan Hawa, serta segala dosa kita? Mengapa penebusan mesti

melalui darah?

Persoalan ini sangat dalam, dan sebarang jawapan yang kita beri hanyalah serpihan daripada keseluruhannya. Kita sedang menyetujui suatu misteri besar. Namun, misteri yang besar kadang-kadang membenarkan kita melihat sinar kecil di celah tirainya. Salah satu sebab mengapa Yesus harus mati dengan cara itu — salah satu makna di sebalik darah yang tertumpah — dapat difahami, dan maknanya amat mendalam. Apakah makna itu?

Segalanya berpusat pada darah. Sejak awal sejarah manusia hingga kepada penyaliban Kristus, pelbagai bangsa mempersembahkan darah kepada dewa-dewa mereka. Mengapa darah? Kerana darah adalah lambang kehidupan itu sendiri. Ia mengalirkan hidup; ia adalah hidup — dan apabila ia tumpah, kehidupan pun lenyap.

Sebab itu, dalam banyak kebudayaan purba, tertanam kepercayaan bahawa kita berhutang darah kepada Tuhan, bahawa kasih-Nya perlu didamaikan melalui korban, bahawa melalui darah kita memohon belas kasihan dan menyatakan syukur, kerana darah dianggap sebagai bahasa yang difahami Tuhan sejak azali.

Lantaran itu, orang yang tulus dalam kepercayaan mereka merasakan bahawa mereka

harus mempersembahkan darah kepada Tuhan. Dan memang itulah yang mereka lakukan — dan untuk jangka waktu yang lama, persembahan itu termasuk juga darah manusia. Manusia disembelih di atas altar di merata tempat.

Syukurlah, kebanyakan budaya akhirnya meninggalkan korban manusia dan menggantikannya dengan korban binatang.

Menjelang zaman Yesus, bait suci di Yerusalem hampir-hampir menjadi rumah sembelihan, dengan para imam mempersembahkan korban binatang tanpa henti. Ada sarjana yang berpendapat bahawa ketika Yesus menggulingkan meja para penukar wang di bait suci, hampir 90% kegiatan ekonomi di Yerusalem, secara langsung atau tidak, berkait rapat dengan upacara korban binatang. Tidak hairanlah tindakan Yesus itu dilihat sebagai ancaman besar!

Jadi, mengapa darah pada saat kematian Yesus?

Richard Rohr menyatakannya dengan begitu tepat: selama berabad-abad, manusialah yang menumpahkan darah demi mencari Tuhan; namun di kayu salib, keadaan terbalik; Tuhan sendiri menumpahkan darah-Nya untuk mencari kita.

Peristiwa itu meruntuhkan tabir lama yang dibina atas rasa takut—kepercayaan palsu bahawa Tuhan menagih korban, bahawa kasih-Nya bersyarat, bahawa manusia mesti gentar di hadapan-Nya.

Tidak! Tuhan tidak perlu darah untuk didamaikan.

Kasih-Nya tidak pernah berhenti walau sesaat. Ketika tabir bait suci terkoyak, kasih yang tanpa syarat itu akhirnya tersingkap — dan misteri besar itu menjadi nyata: Tuhan ialah kasih yang mendekati manusia, bukan Tuhan yang menjauh. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

## Kasih yang menyingkap rahsia Ilahi

Setelah kebangkitan Yesus, para murid berkumpul dalam ketakutan. Pintu dikunci rapat — bukan sekadar untuk menghalang musuh, tetapi juga melambangkan hati manusia yang tertutup oleh keraguan dan luka.

Namun Yesus datang menembusi segala dinding, dan kata pertama yang keluar dari mulut-Nya ialah: “Damai sejahtera bagi kamu.” Ungkapan ini bukan sekadar ucapan tenang, melainkan anugerah hidup baru. Damai itulah nafas kebangkitan.

Dalam bacaan pertama, kita melihat bagaimana damai dan iman itu menjelma

dalam kehidupan nyata: para murid hidup sehati sejiwa, memecahkan roti, berdoa, dan saling berkongsi.

Kehidupan komuniti ini bukan hasil atur-aturan manusia, tetapi buah dari Roh Kudus yang bekerja di antara mereka. Iman sejati sentiasa mencari persekutuan—kasih kepada Tuhan yang diterjemahkan dalam kasih kepada sesama.

Gereja awal berdiri bukan kerana kekuatan organisasi, tetapi kerana kegembiraan yang lahir daripada pertemuan dengan Kristus yang hidup.

Sementara itu, dalam surat pertama Petrus, kita diingatkan bahawa kebangkitan Kristus melahirkan “pengharapan yang hidup.”

Iman yang sejati bukanlah iman yang tidak diuji. Dalam derita dan ujian, nilai iman itu dimurnikan seperti emas di dalam api.

Petrus mengajak kita bersukacita walaupun dalam kesusahan, sebab kasih dan pengharapan kita terarah pada Yesus yang tak kelihatan namun hidup di tengah kita. Di sinilah iman menjadi pengalaman, bukan sekadar pengetahuan.

Injil Yohanes menyingkap sisi yang lebih peribadi melalui kisah Tomas. Ia melambangkan keraguan manusia sepanjang zaman — ingin percaya, namun hati masih mencari bukti.

Yesus tidak menolak keraguan itu, sebaliknya datang mendekat, memperlihatkan luka-Nya yang kini menjadi sumber iman.

Luka-luka yang dahulu tanda kematian kini memancarkan kasih yang tidak berkesudahan. Ketika Tomas berseru, “Ya Tuhanku dan .....ku,” kita diajak melihat bahawa iman bukan hasil penglihatan, tetapi pertemuan rohani yang membuka mata hati.

Kisah ini juga mengingatkan kita pada peristiwa agung ketika tabir bait suci terbelah dua pada saat Yesus menyerahkan nyawa-Nya di kayu salib.

Dalam tradisi Israel, tabir itu bukan sekadar sehelai kain tebal; ia melambangkan batas yang memisahkan manusia daripada kehadiran kudus Tuhan.

Di sebalik tabir itulah terletak Ruang Maha Kudus — tempat hanya imam besar boleh masuk, dan itu pun hanya sekali dalam setahun, membawa darah korban demi pengampunan dosa umat.

Tabir itu, dalam erti rohaninya, mengamburkan jarak antara manusia yang penuh kelemahan dengan Tuhan yang Mahasuci. Ia berdiri sebagai tanda bahawa manusia tidak memiliki jalan bebas untuk mendekati hadirat Ilahi.

Namun pada saat Yesus wafat, sesuatu yang luar biasa terjadi — tabir itu terbelah dua, dari atas ke bawah. Itu bukan sekadar

HARI MINGGU  
KERAHIMAN ILAHI

KISAH PARA RASUL 2: 42-47,  
1 PETRUS 1: 3-9;  
INJIL YOHANES 20: 19-31

fenomena simbolik; ia merupakan isyarat teologi yang dalam.

Robeknya tabir itu menandakan penghapusan jarak antara syurga dan bumi, antara Tuhan dan manusia. Yang memulakan perobekan itu bukan manusia dari bawah, tetapi Tuhan dari atas.

Dengan kata lain, inisiatif perdamaian datang daripada Tuhan sendiri. Dialah yang meruntuhkan dinding pemisah, Dialah yang membuka jalan baharu, agar manusia dapat menghampiri kasih-Nya tanpa rasa takut.

Maka, renungan hari ini mengundang kita untuk membiarkan Kristus yang bangkit menembusi pintu hati kita yang tertutup: pintu keangkuhan, ketakutan, dan rasa bimbang.

Saat kita mengizinkan-Nya masuk, damai sejati pun bersemayam, dan dari situ iman menjadi hidup. Seperti jemaat pertama, kita dipanggil menjadi saksi kasih yang membahagiakan — kasih yang berpunca dari Kristus yang telah menumpahkan darah-Nya agar manusia mengenal Tuhan sebagai kasih tanpa syarat. **Terang Iman @ Fr Mateo Rofa**



## Ketua kampung, Wakil Anak Negeri



## sertai seminar Kanun perkahwinan Katolik

LIMBAHAU, Papar: Umat Katolik perlu memahami kanon perkahwinan kerana ia bukan sekadar peraturan Gereja, tetapi panduan penting untuk memastikan kesahihan, kesetiaan, dan kesucian sakramen perkahwinan.

Pada Mac 23, seramai 261 peserta telah menghadiri Seminar Kanun Perkahwinan yang berlangsung di Dewan Fr Augustine Amandus.

Turut hadir ialah 32 orang pemimpin masyarakat seperti Ketua Kampung, Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) dan Ketua Anak Negeri (KAN) sekitar daerah Papar.

Turut meluangkan masa menghadiri seminar ini ialah paderi paroki *Holy Rosary* Limbahau, Fr Paul Lo, bersama dua orang pembantunya, Fr Joshua Liew dan Fr

Florian Marcus.

Sesi seminar disampaikan oleh Fr Jeffri Gumu, Vikaris Judisial di Tribunal Tingkat Pertama Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Beliau memberikan penerangan mendalam tentang undang-undang perkahwinan dalam Gereja Katolik, termasuk panduan menangani isu perkahwinan serta peranan tribunal Gereja dalam menyelesaikan kes berkaitan.

Selepas seminar, para peserta memperoleh pemahaman yang lebih jelas tentang makna, pengesahan dan tanggungjawab dalam perkahwinan Katolik.

Mereka juga memahami proses kanonik, sekali gus membantu mereka membuat keputusan yang lebih bijaksana serta menghargai kesucian sakramen perkahwinan dalam kehidupan seharian.

## Retret penyegaran pelayanan pastoral di KP

KUALA PENYU: Seramai 73 pemimpin daripada pelbagai pelayanan termasuk Majlis Pastoral Paroki (MPP), komiti, kerasulan dan Komuniti Umat Katolik (KUK) telah menyertai Retret Penyegaran Pelayanan di paroki St Peter. Retret itu berlangsung di Rumah Retret Keuskupan Keningau Purun (RRKKP) dari Mac 20 hingga 21.

Retret yang dikendalikan oleh Fr Roney Mailap ini bertujuan memberi ruang kepada para pelayan Gereja untuk berehat seketika daripada kesibukan rutin, memperbaharui semangat dan fokus dalam pelayanan rohani.

Dalam sesi "Panggilan kepada Pertobatan Sejati", peserta disedarkan bahawa kepimpinan sejati bermula dengan pembaharuan diri melalui kehidupan rohani yang tulus.

Pertobatan melibatkan kese-

edaran akan dosa, penyesalan, kerendahan hati dan usaha berterusan untuk memperbaiki diri.

Perkara ini diperkukuhkan dengan renungan daripada Kitab Yoel 2:12-13: "Berbaliklah kepada-Ku dengan segenap hatimu, dengan berpuasa, dengan menangis dan dengan meratap."

Kepimpinan pastoral dalam Gereja Katolik bukan berasaskan kuasa atau kedudukan, tetapi pelayanan yang berakar pada kasih, kerendahan hati, pengorbanan dan tanggungjawab terhadap komuniti. Seorang pemimpin dipanggil meneladani Gembala Baik, iaitu Yesus, yang mengenal, melindungi dan rela berkorban bagi umat-Nya.

Selaras dengan ajaran sosial Gereja, kepimpinan Katolik perlu memartabatkan manusia, mengutamakan kesejahteraan bersama, serta mengamalkan solidariti

dan subsidiariti.

Pemimpin pastoral juga harus melayani, mendengar, berintegriti dan bersemangat misionari dalamewartakan Injil.

Namun, kepimpinan pastoral masa kini berdepan cabaran seperti sekularisme, kemerosotan iman, perpecahan komuniti dan pengaruh budaya moden.

Dalam sesi adorasi yang berfokus pada perumpamaan "Anak yang Hilang" (Luk 15:11-24), Fr Roney mengajak peserta merenung diri dan berdamai dengan kelemahan.

Fr Roney turut mengingatkan bahawa dalam pelayanan, pemimpin tidak terlepas daripada saling melukai, namun Tuhan sentiasa menanti dan membimbing umat untuk kembali mengasihi serta setia melayani. Retret diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Roney Mailap.



## Pertemuan *unity*,

## Katolik dan Islam

JOHOR BAHRU: Suasana persaudaraan dan dialog mewarnai pertemuan Aidil Fitri antara Keuskupan Melaka Johor dan Erth Al-Mustafa.

Fr Edward Rayappan, Ketua Dialog Antara Mengampunkan Keuskupan Melaka Johor, mengetuai delegasi Katolik mewakili Uskup Bernard Paul, disertai paderi dan awam dari Pusat MAJODI.

Mereka disambut dengan penuh mesra, dalam suasana ceria dan pelukan persahabatan.

Tuan rumah, Shyakh Imran Angullia al-

Hafiz, pengasas Erth Al-Mustafa, bersama Dr Jaysuman bin Puspanathan, menyambut delegasi dan menghidangkan juadah Aidil Fitri.

Pertemuan itu turut membuka ruang interaksi bermakna, apabila anggota delegasi Katolik beramah mesra dengan wanita dan kanak-kanak Muslim, sekali gus memupuk persahabatan dan saling memahami.

Shyakh Imran dan Dr Jaysuman turut berkongsi peranan Erth Al-Mustafa sebagai pusat pendidikan dan kemanusiaan yang berpusat di Johor Bahru.

Pusat ini menyediakan ruang pembelajaran serta sokongan, khususnya kepada pelajar termasuklah dari luar negara, melalui bimbingan dan kaunseling.

Perbualan sepanjang lawatan turut menyentuh aspek kepercayaan dan budaya yang lebih mendalam.

Shyakh Imran menjelaskan kepelbagaian pemikiran Islam di Asia Tenggara serta bagaimana ia diintegrasikan dalam tradisi dan cara hidup masyarakat setempat.

Seorang pelajar tahun ketiga dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang

berasal dari Yaman pula berkongsi pengalaman tentang kehidupan di negaranya, menggambarkan perbezaan ketara dengan Malaysia yang berbilang mengampunkan tetapi harmoni.

Erth Al-Mustafa beroperasi melalui dua cabang utama, iaitu akademik dan kemanusiaan.

Cabang akademiknya menawarkan pembelajaran berstruktur dalam ilmu Islam dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Arab, manakala cabang kemanusiaan memberi tumpuan kepada sokongan komuniti rentan serta bantuan ketika kecemasan dan bencana.

Visi utama organisasi ini adalah untuk mempromosikan keamanan dan belas kasihan merentasi sempadan bangsa, budaya, dan mengampunkan. Ini termasuk penglibatan aktif dengan pelbagai komuniti mengampunkan, termasuk Katolik, Hindu, Sikh, Buddha, dan Taois, melalui dialog dan inisiatif kerjasama yang bertujuan untuk memupuk kepercayaan dan saling menghormati.

Pada akhir pertemuan, Shyakh Imran dan Dr Jaysuman merakamkan penghargaan kepada Fr Edward serta Uskup Bernard Paul atas usaha memperkukuh hubungan antara mengampunkan.

PAPAR: Persaudaraan Kebangsaan yang Sedang Membangun (*Emerging National Fraternity*) bagi *Secular Franciscan Order* (OFS) Malaysia baharu sahaja melangsungkan Chapter Elektif Kebangsaan kali ketiga pada Mac 28, 2026 di Pusat Retret Pace Bene, Purak.

Proses pemilihan telah dipengerusikan oleh Francis Park OFS, Kaunselor Presidium CIOFS, dan disaksikan oleh Friar Stefan Acatrinei OFM Conv, Pembimbing Rohani Umum (*General Spiritual Assistant*).



## Kepimpinan Baharu OFS Malaysia dipilih

Keputusan Pemilihan Majlis Kebangsaan (2026-2029) ialah jawatan Menteri disandang oleh

Harry Lawrence Bagguan, Mario Richard Peter selaku *Vice Minister*, Dymrna Richard (Formator),


Agatha Karen Diwol (Setiausaha), Julian Kuliling (Bendahari), Juru terjemahan bahasa disandang

Jennifer Ann Michael Savrimuthu, Harry Lawrence Bagguan terpilih sebagai Kaunselor Antarabangsa, *Councillor* Mario Richard Peter (*Sub Vice-Councillor*).

Kesemua ahli majlis yang terpilih telah menyatakan persetujuan mereka untuk menerima mandat tersebut. Dokumen rasmi ini telah disahkan oleh Setiausaha *Chapter*, Lindey Easter Apolonius dan Claude Olivia E Jakim, serta diperhatikan oleh jurukira undi (*scrutineers*), Rachel Anthony dan Jennifer Ann Michael.

# Sahabat kecil Yesus

Perhatikan gambar di bawah. Lima imej ini kelihatan serupa tetapi tidak sama. Warnakan dua imej yang serupa.



Gambar B & E

Taruhlah \_\_\_\_ mu di sini dan \_\_\_\_ lah \_\_\_\_-Ku, ulurkanlah tanganmu dan \_\_\_\_ kan ke dalam lambung-Ku dan jangan engkau tidak percaya lagi, melainkan percayalah.

**cucuk percaya jari lambung lihat tangan**

Jawapan Tomas: \_\_\_\_\_

(Yohanes 20:28)

**Lengkapkan dialog pada gambar ini.**

Cari objek-objek ini yang tersembunyi dalam gambar di bawah: buku, perahu, magnet, jarum & benang, hirisan oren, siput, pensel, pinggan, sudu, teddy bear dan seekor burung.



Apa khabar? Harap kamu semua sihat dan gembira hari ini.

Selepas Yesus bangkit daripada kematian, Dia menampakkan diri kepada para murid-Nya. Namun, pada waktu itu Tomas tidak bersama mereka.

Apabila murid-murid lain dengan penuh sukacita memberitahu bahawa mereka telah melihat Yesus, Tomas berasa ragu dan tidak percaya.

Tomas berkata bahawa dia hanya akan percaya jika dia sendiri dapat melihat dan menyentuh luka pada tubuh Yesus.

Beberapa hari kemudian, Yesus datang lagi dan menampakkan diri kepada mereka semua, termasuk

Tomas.

Dengan penuh kasih, Yesus mengajak Tomas untuk melihat dan menyentuh luka-Nya. Yesus tidak marah kepada Tomas, sebaliknya Dia memahami keraguan Tomas dan membantunya untuk percaya.

Pada saat itu, hati Tomas berubah dan dia berkata dengan penuh iman, "Ya Tuhanku ...!"

Yesus kemudian berkata bahawa berbahagialah mereka yang tidak melihat tetapi percaya. Anak-anak, melalui kisah ini, kita belajar bahawa kadang-kadang kita juga mempunyai keraguan seperti Tomas.

Mungkin kita bertanya, "Adakah Yesus benar-benar ada?" atau

"Mengapa saya tidak dapat melihat-Nya?" Tetapi Yesus memahami perasaan kita. Dia hadir dalam hidup kita setiap hari melalui doa, daripada kasih keluarga dan sahabat, serta melalui Firman Tuhan.

Anak-anak, ajuh kita belajar untuk percaya kepada Yesus dengan hati yang terbuka.

Walaupun kita tidak melihat-Nya dengan mata kita, kita tahu bahawa Dia sentiasa bersama kita.

Sekarang, marilah kita berdoa: Tuhan Yesus, kuatkan iman kami supaya kami sentiasa percaya kepada-Mu setiap hari. Amin.

Salam sayang  
Auntie Melly

# BELIA

## Belia bersatu kemudi "perahu" iman



PULAU PINANG: Pada awal bulan lalu, sekumpulan kaum muda berhimpun di Kolej General untuk mengadakan beberapa kegiatan rohani.

Suasana pagi pada Mac 7, dipenuhi keterujaan apabila peserta dari pelbagai komiti berkumpul, bertemu rakan lama dan berkenalan dengan yang baharu.

Hari itu dimulakan dengan Misa Kudus, diikuti upacara penghormatan kepada santo muda seperti Carlo Acutis, Maria Goretti dan Gabriel dari Perawan Maria Duka Cita, yang menjadi inspirasi kepada golongan muda untuk mengejar kesucian dalam kehidupan harian.

Keceriaan para belia melonjak semasa sesi berkenalan sekali gus mencipta rasa kekitaan yang kuat.

Ini diikuti dengan sesi yang menarik oleh Fr Simon Anand, ketua Jaringan Belia Keuskupan

Pulau Pinang, bertajuk "Di Dalam Perahu, Bersama."

Pesan beliau tertumpu pada perpaduan, misi bersama, dan panggilan untuk setiap orang muda mengenali peranan mereka dalam kehidupan Gereja.

Selepas makan tengah hari, aktiviti diteruskan dengan sesi mengenai perjalanan PDYD-6 dan Hari Belia Sedunia oleh Jason Alexander, Penyelaras Belia Rangkaian Belia Keuskupan Pulau Pinang.

Beliau menjelaskan gambaran yang menginspirasi tentang perjalanan menuju PDYD-6, menggalakkan peserta melihatnya bukan sekadar sebagai satu acara, tetapi sebagai perjalanan iman yang bermakna.

Beliau juga berkongsi tentang Salib Belia, simbol perpaduan, misi, dan ziarah yang mengajak golongan muda untuk berjalan bersama.

Jason juga menghubungkan aktiviti di peringkat paroki ini dengan pengalaman global Hari Belia Sedunia, mengingatkan peserta bahawa mereka adalah sebahagian daripada komuniti besar belia Katolik di seluruh dunia.

Dalam sesi seterusnya, Jason mengajak belia untuk mengambil tanggungjawab terhadap peranan mereka, secara aktif menyertai persiapan, dan menerima identiti mereka sebagai murid-murid misionari.

Semasa program di luar dewan, para peserta membuat perkongsian dalam kumpulan, memberikan ruang kepada mereka untuk merenung, menjalin persahabatan dan memperluas perkenalan.

Program itu diakhiri dengan pengutusan yang memberi mandat kepada para peserta untuk membawa iman dan perpaduan yang diperbaharui ke dalam kehidupan seharian mereka.

## Dipanggil menjadi Injil hidup!

HANOI: Pemimpin Gereja di Vietnam mencabar belia Katolik untuk keluar dari zon selesa mereka dan menerima kehidupan misi, kepada hampir 5,000 belia yang berkumpul untuk Kongres Belia Keuskupan Agung Hanoi 2026 pada Mac 22.

Perhimpunan yang diadakan di Paroki Tu Chau itu mengumpulkan peserta dari pelbagai paroki dan mision, dengan mengangkat tema "Datang dan Tinggal".

Fr Joseph Luong Thanh Tung, CSSR., menggesa golongan muda untuk merenungkan arah hidup mereka, dengan mengajukan soalan: "Ke mana saya pergi?" dan "kepada siapa saya harus datang?"

Paderi itu mengingatkan bahawa dalam dunia yang "penuh dengan nilai-nilai dan kebahagiaan sementara," golongan muda boleh kehilangan tujuan hidup mereka.

Tegasnya, "Mengikuti Kristus memerlukan keberanian untuk melangkahi keselesaan dan membuat pengorbanan yang konkrit."

Para belia kemudiannya menyertai upacara Jalan Salib, merenungkan penderitaan Yesus dan mendalami pemahaman mereka tentang kasih Tuhan.

Dalam pesannya, Uskup Agung Joseph dari Hanoi menekankan bahawa panggilan untuk "datang dan tinggal" berakar pada hubungan yang kekal dengan Kristus. "Orang muda datang ke Kongres bukan untuk mencari emosi sementara, tetapi untuk membina hubungan yang kekal dengan Kristus," katanya.

Prelatus itu menambah bahawa kekal bersama Tuhan mengubah golongan muda menjadi saksi iman dan menyeru mereka untuk menjadi "Injil hidup" dalam keluarga, paroki, dan tempat kerja mereka.

Perhimpunan itu berakhir dengan adorasi Ekaristi dan Misa Kudus.

Acara ditutup dengan program kebudayaan yang merayakan ulang tahun ke-10 kongres, dengan persembahan yang menggambarkan iman dan tenaga Gereja muda di Vietnam. **LiCAS News**



## Belia Kemboja pertahan warisan dan alam

KOTA KEP, Kemboja: Belia di Kemboja diingatkan bahawa penghijrahan dan pemodenan yang pesat kini semakin mengancam identiti nenek moyang serta alam sekitar mereka. Perkara ini diketengahkan dalam satu latihan kepimpinan selama lima hari yang dianjurkan oleh pihak Salesian di "Don Bosco Kep Jungle-Garden".

Seramai 250 pelajar dari Sekolah Teknikal Don Bosco mengambil bahagian dalam program tersebut, yang merupakan sebahagian daripada Projek Pemimpin Muda.

Peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk belia Orang Asli. Latihan ini memberi ruang kepada golongan muda untuk menilai kesan pembangunan terhadap kehidupan luar bandar serta mengenal pasti peranan mereka dalam memelihara budaya dan alam sekitar.

Sepanjang program, para peserta mengikuti pelbagai sesi yang menggabungkan refleksi, penghayatan budaya,



dan pendidikan alam sekitar.

Pelajar daripada bidang teknikal dan akademik seperti elektrik, teknologi maklumat, sains setiausaha, dan komunikasi media turut terlibat secara aktif.

Antara isu utama yang dibincangkan ialah penghijrahan belia dari kawasan

luar bandar ke bandar untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan, yang dilihat memberi kesan kepada kesinambungan budaya serta pemindahan tradisi nenek moyang.

Namun begitu, para peserta turut menegaskan bahawa pemodenan tidak harus

ditolak sepenuhnya. Akses kepada kemudahan seperti elektrik, internet, dan pendidikan dianggap penting, selagi ia menyokong maruah manusia dan memperkukuh komuniti.

Isu alam sekitar juga mendapat perhatian serius, khususnya berkaitan penebangan hutan dan kemusnahan ekosistem. Peserta menekankan tanggungjawab bersama dalam melindungi hutan, sungai, laut, dan paya bakau.

Lawatan lapangan ke Kampot memperlihatkan usaha komuniti tempatan dalam pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Program ini turut menekankan kepentingan perpaduan dan dialog dalam masyarakat pelbagai budaya. Latihan diakhiri dengan persembahan kebudayaan, sambil memperteguh komitmen belia untuk menjaga warisan dan alam sekitar di komuniti masing-masing. **LiCAS News**

## Berita singkat antarabangsa

### Ingatlah mangsa Perang dan tragedi migran di laut

VATIKAN: “Seperti Gereja merenungkan misteri Penderitaan Tuhan, kita tidak boleh melupakan mereka yang hari ini benar-benar berkongsi dalam penderitaannya.”

Kata-kata ini dinyatakan oleh Sri Paus Leo XIV pada Misa Hari Minggu Palma di Vatikan.

Beliau mengenang nasib malang penganut Kristian di Timur Tengah, dengan mengatakan bahawa “ujian mereka menyeru kepada hati nurani semua.”

Oleh sebab itu, pada awal minggu suci lalu, Bapa Suci

meminta umat Kristian berdoa kepada orang Kristian di Timur Tengah, “yang menderita akibat konflik yang mengerikan dan dalam banyak kes tidak dapat menjalani sepenuhnya upacara hari-hari suci ini.”

Prelatus itu juga menyerahkan kepada Tuhan para pelaut yang menjadi mangsa perang, dan untuk yang telah meninggal, yang cedera, dan keluarga mereka. “Bumi, langit, dan laut,” tegasnya, “diciptakan untuk kehidupan dan untuk keamanan.” Media Vatikan

### Dalai Lama sokong seruan keamanan Takhta Suci

VATIKAN: Dalai Lama menyatakan sokongan penuh terhadap seruan damai Sri Paus Leo XIV, yang menggesa dunia “meletakkan senjata” di tengah konflik global yang semakin memuncak.

Dalam mesej bertarikh Mac 31, Dalai Lama menegaskan bahawa seruan tersebut mencerminkan nilai bersama semua agama — kasih sayang, belas kasihan dan penolakan terhadap keganasan.

Beliau menegaskan bahawa keganasan hanya melahirkan

lebih banyak keganasan dan bukan jalan menuju keamanan.

Seiring itu, Sri Paus Leo XIV dalam homilinya menyeru dunia kembali kepada persaudaraan sejagat, sambil mengingatkan bahawa Kristus adalah “Raja Damai” yang menolak kekerasan.

Kedua-dua pemimpin menekankan bahawa penyelesaian konflik global mesti berasaskan dialog, diplomasi dan saling menghormati, bukan kekuatan ketenteraan. Media Katolik

### Gangguan Minggu Suci di Tanah Suci, tidak akan halang kebangkitan Yesus.

YERUSALEM: Polis Israel menghalang Kardinal Pierbattista Pizzaballa dan Fr Francesco Ielpo daripada memasuki Gereja Makam Suci pada hari Minggu Palma, sekali gus menghalang mereka memimpin Misa.

Pihak Gereja menyifatkan insiden itu sebagai “halangan serius” yang mencabuli kebebasan beribadat, terutama ketika umat

di seluruh dunia pada ketika itu, sedang memasuki minggu suci.

Kardinal Pizzaballa menegaskan bahawa gangguan ini mencerminkan kesan perang yang lebih luas, sambil mengingatkan bahawa walaupun perayaan terjejas, harapan tidak akan padam: “Perang tidak akan menghapuskan kebangkitan.” Media Vatikan

### Pelayanan berakar dalam Kristus

GOA, India: Para Sisters of the Holy Family of Nazareth memperingati ulang tahun kematian ke-51 pengasas mereka, Fr Faustino de Souza, dengan Misa di Gereja Sto Michael, Anjuna.

Dalam homilinya, Fr Tony Fernandes menggesa para suster untuk memperbaharui kehidupan komuniti dengan menjadikan Kristus pusat misi, sambil mene-

gaskan bahawa pelayanan hanya bermakna jika berakar dalam Yesus.

Beliau turut menekankan kepentingan kesucian, kehidupan berkumuniti berasaskan kasih, serta semangat kesatuan dalam menghadapi cabaran, selaras dengan warisan pengasas yang membela golongan miskin dan terpinggir. LICAS NEWS

### Gereja sambut ulang tahun ke-505 Misa Paskah pertama

MANILA: Uskup Precioso D. Cantillas menegaskan bahawa di tengah-tengah dosa manusia, rahmat Tuhan tetap berkuasa, sambil mengingatkan bahawa kasih dan rahmat-Nya terus hidup hingga hari ini.

Seruan itu disampaikan semasa Misa memperingati ulang tahun ke-505 perayaan Paskah pertama di Filipina pada Mac 31.

Perayaan ini menghimpunkan para penziarah, paderi dan komuniti tempatan dalam suasana syukur dan pembaharuan iman.

Limasawa dikenang sebagai

tapak bersejarah di mana Misa Paskah pertama dipercayai dirayakan pada tahun 1521 oleh Pedro Valderrama, kapelan ekspedisi Ferdinand Magellan, sebuah peristiwa yang menandakan permulaan penyebaran agama Kristian di kepulauan tersebut.

Sambutan ini merupakan sebahagian daripada rangkaian aktiviti rohani dan kebudayaan termasuk ziarah, perhimpunan belia dan adorasi Ekaristi, yang menonjolkan kepentingan Limasawa sebagai tempat iman dan ziarah hingga hari ini. Media Vatikan



# Kembali ke dialog, hentikan keganasan!

ROMA: “Saya diberitahu bahawa Presiden Trump baru-baru ini menyatakan bahawa beliau ingin mengakhiri perang. Mudah-mudahan dia sedang mencari ‘jalan keluar’.

Mudah-mudahan dia sedang mencari cara untuk mengurangkan jumlah keganasan, pengeboman, yang akan menjadi sumbangan besar untuk menghapuskan kebencian yang sedang tercipta dan semakin meningkat di Timur Tengah dan tempat lain.

Beberapa hari sebelum Paskah, Sri Paus Leo XIV telah memperbaharui rayuannya untuk keamanan di dunia yang dilukai oleh konflik dan keganasan.

Dalam ucapan kepada wartawan pada Mac 31, di Castel Gandolfo, Sri Paus Leo menyampaikan kepada semua pemimpin dunia, mendesak mereka: “Kembali ke meja, ke dialog. Mari kita cari penyelesaian kepada masalah, mari kita cari cara untuk mengurangkan jumlah keganasan yang kita galakkan,

agar keamanan, terutamanya pada Paskah, dapat bersemayam di dalam hati kita.”

### Gencatan senjata Paskah

Paskah, kata Sri Paus Leo, “seharusnya menjadi masa yang paling suci, paling sakral dalam setahun”.

Ia adalah masa untuk keamanan, masa untuk banyak renungan, tetapi seperti yang kita semua tahu, sekali lagi di dunia, di banyak tempat, kita melihat begitu banyak penderitaan, begitu banyak kematian, bahkan kanak-kanak yang tidak bersalah.

“Saya membuat rayuan berterusan untuk keamanan, tetapi malangnya ramai orang ingin mempromosikan kebencian dan keganasan, perang,” tegas Bapa Suci.

Oleh sebab itu, beliau meminta semua orang, “terutamanya orang Kristian,” untuk “menghadapi hari-hari ini dengan mengakui bahawa

Kristus masih disalibkan hari ini, bahawa Kristus masih menderita hari ini dalam kalangan yang tidak bersalah, terutamanya mereka yang menderita akibat keganasan, kebencian, dan perang.

“Marilah kita berdoa untuk mereka, untuk mangsa perang, marilah kita berdoa agar benar-benar ada keamanan baru yang diperbaharui, yang dapat memberikan kehidupan baru kepada semua,” seru Sri Paus Leo.

Menjawab soalan daripada wartawan, beliau juga menyatakan harapannya agar gencatan senjata dapat dipatuhi untuk Paskah.

Sempena Jumaat Agung, Bapa Suci menyeru kepada “semua orang yang mempunyai niat baik, kepada orang-orang yang beriman, untuk berjalan bersama, untuk berjalan dengan Kristus yang menderita untuk kita, untuk memberikan kita keselamatan, dan untuk berusaha menjadi pembawa keamanan sendiri.” Media Vatikan

## Golongan muda protagonis masa depan

ROMA: Menyokong dan melabur dalam golongan muda merupakan satu keutamaan yang amat penting, khususnya dalam suasana dunia yang penuh ketidakpastian masa kini, kata Sri Paus Leo XIV semasa bertemu dengan anggota Yayasan Ausilia di Vatikan.

Yayasan Ausilia, yang ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai organisasi bukan untung dan kini berkembang sebagai entiti filantropi, memberi tumpuan kepada pembangunan golongan muda melalui pendidikan, biasiswa serta pelbagai projek sosial.

Dalam pertemuan tersebut, Bapa Suci memulakan ucapannya dengan menyatakan rasa syukur kerana dapat bersama mereka pada permulaaan Minggu Suci, yang disifatkannya sebagai “masa yang penuh berkat untuk mengikuti Tuhan Yesus, yang disalibkan, wafat dan bangkit demi



keselamatan kita.”

### Pelaburan dalam manusia

Sri Paus Leo XIV secara khusus merakamkan penghargaan kepada Yayasan Ausilia atas komitmen mereka dalam membantu golongan muda melalui pembentukan diri serta integrasi ke dalam dunia pekerjaan.

“Melabur bukan dalam objek, tetapi dalam manusia — dalam kebolehan dan kemahiran mereka — merupakan kekuatan utama dalam usaha anda,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa pendekatan ini bukan sahaja memperkasa individu, tetapi juga membentuk masyarakat yang lebih adil dan berdaya tahan.

### Golongan muda sebagai protagonis masa depan

Menurut Sri Paus, golongan muda tidak boleh dilihat sekadar sebagai alat untuk kepentingan ekonomi atau kejayaan komersial.

“Dengan cara ini, golongan muda sendiri menjadi protagonis masa depan mereka, dan tidak dilihat sebagai sekadar roda dalam sistem atau alat untuk keuntungan,” ujarnya.

Beliau turut menggesa agar setiap usaha pembentukan dan pendidikan memberi ruang kepada golongan muda untuk berkembang sebagai insan yang bermaruah dan berdaya saing, selaras dengan nilai-nilai kemanusiaan dan iman. Media Vatikan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV melawat Monaco dalam lawatan yang berlangsung selama hampir sembilan jam pada Mac 28.

Bapa Suci ke Monaco untuk empat acara utama iaitu kunjungan hormat rasmi kepada Putera Albert, pertemuan dengan komuniti Katolik di Katedral Konsepsi Tak Bernoda serta pertemuan dengan golongan muda dan katekumen di dataran Gereja Sta Devota serta Misa Kudus di Stadium Louis II.

Ketika memimpin Misa di Katedral Konsepsi Tak Bernoda, Sri Paus Leo XIV menyampaikan renungan yang berpusat pada Kristus sebagai “pembela kita di hadapan Bapa.”

“Kita mempunyai seorang pembela di hadapan Tuhan: Yesus Kristus, yang benar,” kata Bapa Suci Leo seraya mengajak semua yang hadir untuk merenungkan misteri keselamatan sebagai inisiatif belas kasihan Tuhan terhadap manusia yang lemah dan berdosa.

“Kristus,” katanya, “memikul kejahatan yang terdapat dalam kemanusiaan dan di dunia serta telah mengalahkan kejahatan ini, mengubahnya dan membebaskan kita selama-lamanya.”

Prelatus itu turut memberi penghormatan kepada Putera Albert II dari Monaco, Uskup Agung Dominique-Marie David, serta para klerus dan umat beriman. Sri Paus Leo menyatakan kegembiraannya dapat berkongsi dalam kehidupan sebuah Gereja tempatan yang terkenal dengan kepelbagaian dan keterbukaannya.

#### Anugerah persekutuan

Merenungkan Yesus sebagai pembela kita, Sri Paus Leo XIV pertama kali menekankan anugerah persekutuan.

“Kristus mendamaikan kita dengan Bapa dan antara satu sama lain bukan melalui hukuman, tetapi melalui belas kasihan yang menyucikan, menyembuhkan, mengubah dan menjadikan kita sebahagian daripada satu keluarga Tuhan.”

Persekutuan ini, katanya, juga mempunyai implikasi sosial. Misi Yesus bukan sahaja memulihkan kesejahteraan rohani tetapi juga mengangkat maruah manusia, menyatukan semula individu ke dalam komuniti.

Dalam konteks ini, Gereja dipanggil un-



## Kristus pembela kita

tuk menjadi “cerminan di dunia ini tentang kasih Tuhan yang tidak memihak.”

Bapa Suci juga mengamati bahawa kepelbagaian sosial dan budaya Monaco adalah satu kekayaan, bukan suatu pepecahan.

“Dalam Gereja, kepelbagaian seperti itu tidak seharusnya menjadi alasan untuk perpecahan ke dalam kelas sosial, tetapi sebaliknya tanda bahawa semua diterima sebagai individu dan anak-anak Tuhan.”

#### Sebuah Gereja yang mempertahankan manusia

Seterusnya, Sri Paus Leo XIV menyoroti satu lagi dimensi pembelaan Kristus, iaitu pewartaan Injil sebagai usaha mempertahankan martabat setiap manusia.

Menurutnya, Yesus menjadi suara bagi mereka yang “dilupakan dan dipinggirkan,” sambil memperlihatkan wajah Tuhan yang penuh belas kasihan, yang “menegakkan keadilan bagi semua yang tertindas.”

Dalam perspektif ini, Gereja sendiri dipanggil untuk menjadi “peguam bela,” yang komited terhadap pembangunan manusia secara menyeluruh. Injil, jelasnya, harus menerangi identiti manusia, mem-

perkuh hubungan sesama, serta memberikan makna sejati kepada kehidupan.

Menggalakkan semangat misi yang diperbaharui, Sri Paus Leo XIV menggesa umat beriman untuk “mewartakan Injil kehidupan, harapan dan kasih,” serta mempertahankan martabat manusia “dari konsepsi hingga kematian semula jadi.”

Beliau turut memberi amaran tentang tekanan sekularisme yang berisiko mereduksi kehidupan manusia kepada individualisme dan produktiviti ekonomi semata-mata.

Bapa Suci juga mengingatkan agar iman tidak dibiarkan menjadi rutin. Sebaliknya, iman yang hidup sentiasa bersifat kenabian, berani menimbulkan persoalan tentang keadilan, solidariti dan asas etika dalam masyarakat.

Sri Paus turut mempersoalkan sama ada model ekonomi dan sosial masa kini benar-benar memartabatkan semua manusia, atau masih terperangkap dalam “logik keuntungan semata-mata.”

Akhirnya, beliau mengajak umat untuk memandangi kepada Kristus, yang mampu mengubah kehidupan peribadi serta memperbaharui masyarakat. **Media Vatikan**

### Jus rohani untuk jiwa

## Kerahiman Ilahi: 10 Fakta yang mengubah Hidup

Melalui diari rohaninya, Sta Faustina mencatatkan bahawa Yesus Kristus sendiri menampakkannya kepadanya dan meminta agar mesej Kerahiman Ilahi disebarkan ke seluruh dunia. Salah satu permintaan utama ialah supaya satu perayaan khas ditetapkan untuk menghormati Kerahiman Ilahi. Permintaan ini akhirnya dipenuhi oleh Sri Paus Sto Yohanes Paulus II, pada tahun 2000, semasa kanonisasi Sta Faustina.

Sto Yohanes Paulus II secara rasmi menetapkan Hari Minggu Kerahiman Ilahi sebagai perayaan universal Gereja, yang disambut pada hari Minggu Paskah kedua dalam kalendar liturgi Gereja Katolik.

#### 10 Fakta Menarik Devosi Kerahiman Ilahi

1. **Memberi pengampunan dosa:** Kerahiman Ilahi mengampuni dosa dan memberi peluang untuk memulakan hidup baru. Walaupun seseorang telah melakukan kesalahan besar, Tuhan tetap menghulurkan kasih-Nya kepada mereka yang ingin kembali.

2. **Menenangkan hati dan jiwa:** Ia membawa kedamaian dan menghilangkan kegelisahan dalam hidup.

3. **Menguatkan iman:** Pengalaman kerahi-



man Tuhan menjadikan iman lebih hidup dan nyata.

4. **Memberi harapan dalam kesusahan:** Ia mengingatkan bahawa harapan sentiasa ada walaupun dalam kesulitan.

5. **Mendorong pertobatan:** Kasih Tuhan yang penuh kerahiman menyentuh hati kita untuk berubah. Ia menggerakkan kita meninggalkan dosa dan kembali kepada kehidupan yang lebih baik.

6. **Mengajar kita untuk memaafkan:** Kita belajar mengampuni orang lain seperti Tuhan mengampuni kita.

7. **Membina hubungan dengan Tuhan:** Ia mendekatkan kita kepada Tuhan melalui doa dan kepercayaan.

8. **Menghilangkan rasa putus asa:** Kerahiman memberi keyakinan bahawa sentiasa ada peluang kedua.

9. **Membentuk hati yang penuh kasih:** Kerahiman Ilahi mengubah sikap kita terhadap orang lain. Kita menjadi lebih sabar, memahami, dan penyayang dalam kehidupan seharian.

10. **Memberi kekuatan menghadapi cabaran:** Dengan keyakinan bahawa Tuhan sentiasa mengasihi kita, kita memperoleh kekuatan untuk menghadapi segala ujian hidup dengan tabah dan berani.

Kerahiman Ilahi bukan sekadar satu devosi, tetapi satu cara hidup. Ia mengajak kita untuk mempercayai kasih Tuhan tanpa syarat dan juga menjadi saluran kasih itu kepada orang lain.

Seperti yang diingatkan melalui pewahyuan kepada Sta Faustina, dunia sangat memerlukan kerahiman — dan ia bermula daripada setiap hati yang bersedia untuk menerima dan menghayatinya. **Aleteia**

### PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Bakat kita berbeza

Kerahiman Ilahi merupakan suatu anugerah yang sering sukar diungkapkan dengan kata-kata, namun begitu nyata dirasakan dalam perjalanan hidup setiap insan. Ia bukan sekadar satu ajaran iman, tetapi suatu pengalaman peribadi akan kasih Tuhan yang hidup dan menyentuh hati.

Tanggal 12 April menjadi tarikh yang istimewa bagi saya, kerana ia menandakan ulang tahun pembaptisan saya yang ke-10 sebagai anggota Gereja Katolik.

Dalam tempoh sedekad ini, saya semakin menyedari bahawa devosi Kerahiman Ilahi dan Pesta Kerahiman Ilahi bukan sekadar tradisi Gereja, tetapi satu realiti rohani yang mengubah cara saya memandang diri, sesama, dan Tuhan.

Pengalaman ini bermula ketika saya bersama keluarga mendoakan doa Kerahiman Ilahi saat nenek saya berada di ambang kematian. Hampir sebulan kami setia berdoa.

Dalam suasana penuh kesedihan itu, kami juga mengalami ketenangan yang sukar dijelaskan. Ada yang mendengar seolah-olah nyanyian yang lembut, ada yang merasai keharuman, dan ada yang dipenuhi damai yang mendalam. Bagi saya, semua itu menjadi tanda kehadiran Yesus yang setia menyertai kami dalam doa.

Namun, perjalanan iman saya tidak terlepas daripada saat-saat kegelapan. Saya pernah melalui fasa kehidupan yang penuh cabaran, di mana hati dilanda kelemahan, tekanan dan keputusasaan. Banyak perkara tidak berjalan seperti yang diharapkan, hubungan menjadi renggang, dan saya mula mempersoalkan makna hidup. Pada ketika itu, saya merasakan seolah-olah Tuhan jauh dari saya.

Namun di tengah kegelapan itu, saya perlahan-lahan kembali kepada doa, walaupun dengan hati yang berat dan tanpa kata-kata yang indah. Hanya keluhan dan tangisan yang mampu saya persembahkan.

Tetapi justru di situlah saya mengalami sentuhan kerahiman Tuhan — satu ketenangan yang perlahan-lahan memenuhi hati. Saya menyedari bahawa walaupun saya menjauh, Tuhan tidak pernah meninggalkan saya.

Dari pengalaman ini, saya belajar bahawa kerahiman Ilahi bukan tentang kesempurnaan manusia, tetapi tentang kasih Tuhan yang tanpa syarat. Tuhan menerima kita apa adanya, dengan segala kelemahan dan dosa kita, lalu mengangkat kita dengan penuh kasih. Kerahiman itu juga mengajar saya untuk memaafkan — bukan sahaja orang lain, tetapi juga diri sendiri.

Pada masa yang sama, saya menyedari bahawa kerahiman Ilahi bukan hanya untuk diterima, tetapi untuk dikongsi. Oleh itu, saya berasa sedih apabila melihat sesama umat Katolik saling membandingkan komuniti atau gerakan doa masing-masing.

Setiap gerakan lahir daripada pengalaman iman yang berbeza, dengan karisma dan peranan yang unik. Semuanya bukan untuk dipersaingkan, tetapi untuk saling melengkapi dalam membina Tubuh Kristus.

Akhirnya, saya percaya bahawa dunia hari ini sangat memerlukan kerahiman. Dan kerahiman itu bermula dari hati yang terbuka untuk menerima kasih Tuhan, lalu menjadi saluran kasih itu kepada orang lain.

● **Faith Elena, seorang guru di pusat bahasa, sentiasa bangga menjadi Katolik, sejak 10 tahun lalu.**

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Kita boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



Marilah kita berdoa untuk para paderi yang melalui saat-saat krisis dalam panggilan mereka, agar mereka dapat menemukan pendampingan yang mereka perlukan dan agar komuniti dapat menyokong mereka dengan pemahaman dan doa.



Keuskupan Agung Kuala Lumpur



Keuskupan Pulau Pinang



Keuskupan Melaka Johor



Keuskupan Agung Kota Kinabalu



Keuskupan Miri



Keuskupan Sibul

## Minyak suci dan janji imamat

Misa Krisma di beberapa keuskupan di Malaysia diraikan sebagai perayaan penting yang menonjolkan kesatuan Gereja serta pembaharuan komitmen para paderi terhadap pelayanan mereka.

Misa Krisma Keuskupan Agung Kuala Lumpur diraikan di Gereja Visitation, Seremban, bermula dengan rekoleksi para klerus.

Rekoleksi itu menekankan imamat sebagai panggilan untuk menjadi berkat kepada orang lain melalui Kristus.

Pemimpin Misa Krisma, Uskup Agung Julian Leow, menekankan tiga minyak suci dan pembaharuan janji imamat sebagai pusat kehidupan paderi.

Di Pulau Pinang, Misa Krisma dirayakan pada Mac 24 di mana Kardinal Sebastian Francis menekankan bahawa perayaan ini berpusat pada dua janji utama: selibat dan ketepatan kepada uskup serta ta tiga minyak suci: Minyak Katekumen, Minyak Orang Sakit, dan Minyak Krisma Suci. Ketiga-tiga unsur ini menjadi asas kehidupan dan misi kepaderian.

Di Keuskupan Melaka Johor, selepas sedekad, akhirnya Misa Krisma dirayakan di Gereja St Peter, Melaka.

Uskup Bernard Paul dalam homilinya menekankan cabaran semasa yang dihadapi oleh para paderi serta ciri-ciri yang diperlukan untuk pelayanan masa kini.

Berpandukan Surat Apostolik Sri Paus Leo XIV, beliau menegaskan kepentingan pembentukan persaudaraan, persaudaraan, kematangan rohani serta kemanusiaan. Para paderi digalakkan menjadi jambatan kepada umat, bukan halangan. Uskup Bernard turut memperkenalkan rangka kerja "5 F" sebagai panduan untuk paderi masa depan iaitu Kesetiaan (*Fidelity*); Pembentukan (*Formation*); Persaudaraan (*Fraternity*); Masa Depan (*Future*) dan Pekerja Iman (*Faith-workers*).

Sementara itu di Miri, Uskup Richard Ng menekankan tema "pengurapan" sebagai inti kepada panggilan iman semasa memimpin Misa Krisma pada Mac 18, 2026 di Katedral St Joseph.

Beliau menjelaskan bahawa pengurapan bukan sekadar simbol luaran tetapi satu transformasi dalaman yang menjadikan umat semakin serupa dengan Kristus.

Semua orang beriman berkongsi dalam pengurapan ini melalui pem-

baptisan, manakala para paderi menjalani panggilan tersebut secara khusus melalui pelayanan mereka.

Beliau juga mengingatkan umat agar menyokong para paderi melalui doa dan sikap yang membina, kerana paderi juga manusia yang mempunyai kelemahan.

Di Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Uskup John Wong, yang memimpin Misa Krisma pada Mac 26 di Katedral Sacred Heart, Karamuning mengakui bahawa beliau teruja merayakan Misa Krisma kerana ia merupakan perayaan peringkat Keuskupan Agung.

Prelatus itu mengingatkan bahawa dalam Misa Krisma, kita diingatkan tentang dua imamat iaitu tertahbis dan awam—sebagai anugerah Tuhan.

Uskup John juga mengajak semua hadirin untuk berdoa bagi panggilan.

Di Keuskupan Keningau, Misa Krisma dirayakan pada Mac 31, 2026 di Dataran Keuskupan Keningau. Kelihatan beberapa paderi dari Indonesia, yang membantu Keuskupan selama beberapa bulan ini, turut memperbaharui janji imamat mereka di hadapan Uskup Cornelius Piong.

Di Keuskupan Sibul, Misa Krisma yang diraikan di Katedral Sacred Heart, pada Mac 31, menyaksikan semua 23 paderi dari 12 paroki memperbaharui janji imamat mereka di hadapan Uskup Sibul, Joseph Hii.

Liturgi suci, yang diadakan dari pukul 7.30 hingga 9.30 malam, menjadi perayaan imamat dan saat syukur yang mendalam atas anugerah Tuhan kepada Gereja dan kepada seluruh ciptaan.

● Misa Krisma di Keuskupan Agung Kuching dan Sandakan telah disiarkan sebelum ini.



Keuskupan Keningau

## ABMA anjur program kerohanian, perbaharui semangat umat

MENTAKAB: Program "Pengalaman Kerohanian Komuniti" telah diadakan pada Mac 14, di paroki *Our Lady of Perpetual Help*, Mentakab, melibatkan 29 peserta.

Dianjurkan oleh *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate* (ABMA), program ini menjadi ruang rohani bagi umat untuk berhenti sejenak daripada kesibukan harian dan membuka hati kepada kasih Tuhan.

Ia dimulakan dengan upacara Pentakhtaan Alkitab diikuti sesi pertama bertajuk "Siapakah Saya?" oleh Sr Irene Chengann.

Sr Irene mengajak peserta men-



genali diri melalui pandangan Tuhan. Peserta turut diminta melukis simbol diri sebagai refleksi peribadi.

Sesi kedua, "Siapakah Yesus Kristus kepada Saya?" disampaikan oleh Sr Sylvia Stanis yang berkongsi pengalaman hidupnya, termasuk

terselamat daripada kebakaran, sebagai bukti kekuatan dan kehadiran Tuhan.

Beliau turut menekankan peranan ibu bapa dalam membentuk iman anak sejak kecil.

Dalam sesi "Mengetahui bahawa Tuhan telah memilih saya", Velarie Nozie mengajak peserta merenung panggilan hidup sebagai pilihan kasih Tuhan.

Sesi lain menekankan kepentingan hidup berkomuniti, menjauhi sikap negatif seperti gosip, serta menghadapi cabaran perbezaan dengan kesabaran, komunikasi dan pelayanan tulus.

Sesi penutup membuka ruang perkongsian rohani yang mengeratkan hubungan dan memperbaharui semangat iman.

Program ini turut melibatkan kanak-kanak melalui kuiz Alkitab, doa Rosario dan pembelajaran Perjanjian Baru, menekankan kepentingan pembentukan iman sejak usia muda.

Secara keseluruhan, program ini memberi kesan mendalam, membantu peserta mengenali kasih Tuhan, memahami diri dan menguatkan iman, sekali gus menyatukan komuniti serta membangkitkan semangat untuk terus melayani.